

Ramai yang beranggapan bahawa Islam adalah agama yang mengajarkan penyerahan diri sebulat-bulatnya, sehinggalah semua agama yang mengajarkan penyerahan secara bulat juga dianggap sama dengan Islam. Sehingga timbul dakwaan, bahawa semua agama sama. Sama-sama baik, sama-sama mengajarkan ketundukan, dan sama-sama melarang perbuatan keji. Di sisi yang lain, orang Islam pun mengeluarkan dakwaan, bahawa Islam adalah agama yang diturunkan oleh Allah kepada seluruh Nabi dan Rasul-Nya. Samada Yahudi, Nasrani, ataupun yang lain, termasuk semua agama yang diturunkan sejak zaman Adam hingga Nabi Muhammad, semuanya adalah sama. Iaitu sama-sama Islam. Kerana itu, Ahli Kitab, iaitu Nasrani ataupun Yahudi, bukanlah kafir. Bahkan, Presiden Amerika, Bill Clinton mengatakan, bahawa Islam tidak bercanggah dengan ideologi lain. Jika ada ia merupakan muslihat, dan bukan tabi'at masing-masing ideologi tersebut.

Selain daripada doktrin Islam adalah kufur, dan ini adalah fakta yang tidak dapat dinafikan lagi. Sebab, doktrin ini (Islam) merupakan doktrin yang tegas, jelas dan boleh dibuktikan argumentasinya secara *qath'i*. Seperti yang diperjelaskan sebelum ini. Disamping ajaran spiritual, Islam juga merupakan ideologi yang diasaskan dengan aqidah Islam iaitu konsep spiritual dan politik. Di mana Islam tidak membenarkan pemisahan antara kedua-dua elemen ini dari kehidupan. Jika dilihat kepada agama-agama lain di dunia ini, seperti Hindu, Kristian, Budha dan yang seumpamanya kita dapati kesemuanya hanya memberikan penganutnya penyelesaian kepada masalah yang berkaitan dengan kerohanian. Tidak ada penyelesaian dan peraturan hidup yang terbit dari agama-agama di atas untuk menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan kehidupan dunia secara utuh, yang jelasnya agama-agama yang disebut di atas adalah agama yang hanya mempunyai konsep spiritual sahaja, iaitu hanya memberikan penyelesaian untuk ibadat dan moral sahaja, tetapi membiarkan manusia sendiri mengatur cara kehidupan harian mereka.

Manakala ideologi kufur yang ada di dunia hari ini ialah kapitalisme dan komunisme. Di mana kedua-dua ideologi ini lahir dari pemikiran manusia. Keberadaan kedua-dua ideologi ini adalah batil kerana berasal dari akal manusia yang terbatas dan tidak mampu menjangkau segala sesuatu yang nyata. Juga kerana pemahaman manusia terhadap proses lahirnya peraturan sering menimbulkan perbezaan, perselisihan dan pertentangan serta selalu terpengaruh dengan lingkungan di mana ia hidup. Ini akan melahirkan peraturan yang saling bertentangan dan mengakibatkan ketidak-tenteraman bagi manusia. Oleh kerana itu, ideologi yang lahir dari akal manusia adalah suatu ideologi yang salah baik dilihat dari segi aqidahnya mahupun peraturan yang terbit dari aqidah tersebut.

Dunia kini telah melihat keruntuhan ideologi komunis di USSR dan kegagalan ideologi kapitalisme untuk menyelesaikan masalah umat manusia pada hari ini. Contohnya adalah kegawatan ekonomi yang terjadi ketika ini. Kegawatan ekonomi yang terjadi akibat tindakan rakus para negara kuasa besar, iaitu Amerika, kerana ingin menguasai kekayaan seluruh dunia. Bahkan, untuk itu mereka sanggup merancang pembunuhan dalam jumlah besar di Indonesia, Sudan, Kossovo, Banglades, Palestin dan sebagainya. Semua yang menjadi korban adalah negeri kaum muslimin. Kini hanya ideologi Islam sahajalah yang satu-satunya akan menjadi penyelesaian kepada segala permasalahan manusia sejak dari dulu hingga masa yang akan datang. Kerana sesungguhnya ideologi Islam adalah bersumber dari wahyu Allah SWT. yang merupakan pencipta manusia alam dan kehidupan ini.

Islam telah membuktikan dirinya mampu menunaikan kewajibannya dengan baik dan gemilang sepanjang tiga belas abad, sejak Nabi saw. mendirikan negara Islam di Madinah hingga kejatuhan Khilafah Othmaniyah pada 3 Mac tahun 1924. Kejatuhan yang memang telah dirancang oleh negara-negara imperialis, iaitu Perancis dan British. Dengan cara menanamkan nasionalisme di dalam tubuh kaum muslimin, agar menjadi pakatan untuk membelah tubuh umat yang asalnya satu ini. Dan setelah menghancurkan Islam sebagai ideologi negara, mereka menciptakan imej, bahawa Islam hanyalah agama spiritual sahaja. Wallahu 'alam.



## HIJRAH RASULULLAH SAW MELALUI NEGARA MADINAH

Kita sememangnya wajib bersyukur kepada Allah SWT. Yang telah memberikan banyak kenikmatan kepada kita. Yang seandainya kita diminta menghitungnya, pastinya kita tak akan mampu melakukannya. Bahkan, kenikmatan yang terbesar yang diberikan kepada kita, iaitu Islam. Dan kewujudan kita sebagai orang yang beragama Islam. Sebab, ramai orang yang diberi nikmat hidup, tetapi tidak semuanya mahu memeluk Islam. Tetapi, kenikmatan yang lebih besar lagi, yang diberikan kepada kita adalah wujudnya dakwah Islam dan orang-orang yang memikulnya, sehinggalah Islam ini menjaral sampai kepada kita. Dua perkara inilah yang tidak semestinya kita lupakan. Iaitu, dakwah Islam dan orang-orang yang memikulnya, sehinggalah Islam ini sampai kepada kita. Oleh itu, sangat munasabah apabila Hijrah baginda Rasulullah saw. diperingati sebagai suatu peristiwa sejarah yang paling penting dalam kehidupan dakwah Rasulullah saw. Yang di sini, kita peringati setiap tahunnya dengan nama "Maal Hijrah". Mengapa peristiwa Hijrah baginda Rasulullah saw. ini merupakan peristiwa yang sangat penting? AJ ingin mengajak para pembaca untuk menhayati erti sebenar Hijrah Rasulullah.

**Pertama**, dakwah Rasulullah saw. apabila masih berada di Makkah, telah melalui masa-masa yang sangat sulit terutama setelah Rasulullah saw diperintahkan oleh Allah untuk menyampaikan Islam secara terbuka kepada masyarakat Makkah dan menunjukkan bahawa baginda tidak lagi bersendirian, melainkan ada jamaah yang menyertainya, setelah Allah menurunkan surat Al-Hijr: 94:

"Maka sampaikanlah secara terbuka apa yang diperintahkan kepada kamu, dan tentanglah orang-orang musyrik itu."

Setelah ayat ini turun, tepatnya setelah Umar bin Khattab dan Hamzah bin Abdul Muthalib memeluk Islam, maka Rasulullah memulakan dakwah secara terbuka. Baginda, kemudian melakukan tawaf mengelilingi Ka'bah, yang diikuti oleh para sahabat. Sejak itu, para sahabat dan pengikut baginda, termasuklah baginda sendiri, setiap hari menerima penyiksaan daripada penguasa Makkah, dan orang-orang kafir Quraisy.

Pernah baginda sedang solat berhampiran Ka'bah, leher baginda diikat oleh Uqbah bin Abi Mu'ait, sehingga baginda tidak dapat bernafas, sampai akhirnya baginda ditolong oleh Abu Bakar.

Pada masa yang lain, apabila baginda sedang solat, tengkuk leher baginda dipukul oleh Uqbah bin Mu'ait, sehingga baginda pengan, dan akhirnya ditolong oleh Fatimah. Puteri baginda itu menangis, sedih, melihat nasib ayahanda tercintanya dianiaya oleh orang-orang kafir. Bukan baginda sahaja yang mengalami nasib buruk seperti itu, malahan keluarga Yasir telah disiksa, sehingga Sumayyah meninggal dunia sebagai syahidah pertama.

Setelah penganiayaan secara fizikal tidak mampu menggoyahkan keteguhan para pemeluk dakwah ini, maka orang-orang kafir itu telah merancang untuk mengasingkan baginda saw. dan para pengikutnya. Maka, terjadilah rancangan jahat itu selama kurang lebih tiga tahun. Baginda dan para sahabat hidup di sebuah lembah dalam keadaan kekurangan makanan, pakaian, pekerjaan, rumah dan diusir dari Makkah. Dan setelah itulah, baginda meminta para sahabat untuk meninggalkan Makkah menuju ke Habbasyah (Ethopia-Afrika) untuk mencari perlindungan kepada Raja Najasyi, dengan maksud untuk mempertahankan agama mereka dari serangan secara berterusan yang dilakukan oleh orang-orang kafir.

Maka, orang-orang kafir juga tidak mahu tinggal diam, sehinggalah mereka menyampaikan

maklumat-maklumat yang mengelirukan di luar negeri, untuk mengusir kembali kaum muslimin yang berhijrah ke sana. Orang-orang kafir tersebut berusaha untuk mengadu domba Raja Najasyi dengan kaum muslimin, yang akhirnya tidak berjaya. Sedangkan baginda Rasulullah saw. dan beberapa sahabat masih duduk di Makkah. Akibatnya menjadikan tindakan orang-orang kafir semakin biadab kepada baginda saw. Sehingga baginda berfikir untuk mencari perlindungan, kerana dakwah Islam tidak mungkin lagi disebarkan kepada orang-orang Makkah. Baginda pada masa itu cuba berhijrah ke Taif, untuk mencari perlindungan kepada Bani Tha'qif, yang akhirnya malah baginda diusir dengan cara tidak sopan. Baginda dilempari dengan batu dan kotoran, sehingga tubuh baginda berlumuran darah dan kotor. Sehingga Zaed bin Harisah menangis, melihat keadaan baginda yang sangat menyedihkan itu. Baginda, cuba untuk masuk kembali ke Makkah, meskipun baginda tahu bahawa baginda akan dibunuh, apabila berada di sana. Maka, baginda berusaha mencari perlindungan kepada Mut'im bin Adi, salah seorang tokoh pemuda Makkah. Dan beliau sanggup melindungi keselamatan baginda saw. dan dakwah baginda. Sejak itulah, baginda berada dalam perlindungan Mut'im bin Adi.

Sejak itu, baginda sering kali mendatangi kabilah-kabilah yang datang ke Makkah untuk menyampaikan dakwah Islam yang baginda bawa. Meskipun risikonya sudah jelas sekali bagi baginda, sebagaimana sumpah baginda: "Demi Allah, seandainya mereka boleh meletakkan matahari di tangan kananku, dan bulan di tangan kiri ku, aku tetap tidak akan meninggalkan urusan dakwah ini, sehingga ianya dimenangkan oleh Allah, atau aku dibinasakan dalam usaha untuk menuntunya". Maka, baginda saw, tetap tidak takut, dan terus-menerus berdakwah meskipun pada masa itu tidak satu pun kabilah yang menerima. Pernah baginda menyampaikan dakwah ini kepada kabilah Amru bin Sa'sa'ah, yang pada awalnya bersedia menerima seruan dakwah Rasulullah, namun dengan syarat bahawa kepemimpinan setelah baginda mestilah diserahkan kepada kabilah Amru bin Sa'sa'ah, namun hal ini dijawab dengan tegas oleh baginda:

"Sesungguhnya perkara (kekuasaan kepimpinan) ini merupakan wewenang Allah, yang akan Dia serahkan kepada sesiapa sahaja yang Dia kehendaki."

Setelah jawapan itu disampaikan oleh Rasulullah, baginda langsung diusir dari khemah

kabilah Amru bin Sa'sa'ah. Inilah keadaan dakwah dan keteguhan baginda dan para sahabat dalam menyampaikan risalah dakwah Islam.

Setelah semua itu berlaku, Allah memberikan pertolongan dengan mempertemukan baginda saw. dengan orang-orang Aus dan Khazraj yang datang untuk menunaikan haji ke Makkah. Maka, apabila mereka mendengarkan seruan Rasul untuk mengimaninya, mereka langsung menerimanya, dan setelah itulah terjadi Bai'at Aqabah I, yang dilakukan di bukit Aqabah. Dan ini merupakan titik awal perkembangan dakwah Rasulullah saw. yang pertama, sehinggalah dakwah Islam ini sampai ke Yatsrib, (nama Madinah sebelum diubah oleh baginda saw).

Setelah rombongan Aus dan Khazraj kembali ke Madinah, mereka meminta Nabi saw. untuk mengirinkan orang agar mengajarkan Islam kepada mereka di sana. Ketika itulah, baginda saw. Telah mengirim Mus'ab bin Umair. Salah seorang sahabat Rasulullah, yang sebelumnya merupakan pemuda yang kaya raya, tetapi lebih memilih hidup sederhana bersama Rasulullah. Mus'ab lah yang menyampaikan pelajaran Al-Quran kepada penduduk Madinah, sehingga beliau mendapat gelaran sebagai Muqriul Madinah.

Dan ternyata dakwah Islam yang disampaikan oleh Mus'ab dan orang-orang Aus dan Khazraj yang telah memeluk Islam itu berjaya merubah public opinion penduduk Madinah, sehinggalah semua orang memperkatakan tentang Islam dan dikatakan juga tidak ada satu pintu rumahpun yang tidak diketuk oleh Mus'ab bin Umair. Akhirnya, bilangan orang yang menyertai Islam menjadi semakin ramai, sehingga mereka mula melaksanakan solat Jumaah yang pertama kalinya di sana.

Berita ramainya penduduk Madinah yang menyertai Islam ini telah menyenangkan hati Rasulullah saw. dan para sahabat yang masih menyertai baginda di Makkah. Dan untuk membuktikan kesiapan Madinah sebagai pusat tegaknya dan pengembangan Islam, maka baginda meminta Mus'ab untuk mengirinkan mereka ke Makkah. Maka, berangkatlah pada musim haji berikutnya, seramai 75 orang. 73 orang terdiri daripada lelaki, dan 3 orang lainnya adalah perempuan. Mereka kemudian sampai di Makkah dan bertemu langsung dengan Nabi, menyatakan sumpah setia yang dikenal dengan Bai'at Aqabah II. Bai'at ini juga dikenal sebagai sumpah setia untuk hidup dan mati demi Islam dan juga merupakan

— Al-Sarahir 2 —

penyerahan kekuasaan orang-orang Madinah kepada Nabi untuk menjadi Ketua Negara Islam. Dan inilah yang mendorong baginda untuk berhijrah ke Madinah.

**Kedua**, hijrah Rasulullah saw. ke Madinah bukan untuk melarikan diri, atau menyelamatkan diri dari ancaman orang-orang kafir tetapi adalah untuk menegakkan Islam, sehingga Islam ini menjadi agama dan ideologi yang boleh disebarkan ke seluruh dunia, untuk menyelamatkan dunia daripada kehancuran. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Allah SWT. dalam surat At-Taubah: 33/Al-Fath: 28/As-Shaf: 9.

"Dialah yang mengutus Rasulullah dengan (membawa) petunjuk dan agama yang haq, agar Dia memenangkan agamanya, ke atas agama-agama yang lainnya."

Maka, tanpa hijrahnya Rasulullah ke Madinah, Islam tidak akan pernah sampai kepada kita di Malaysia. Sebab, tidak pernah wujud negara Islam yang menyebarkan dakwah ke seluruh dunia. Tetapi dengan hijrahnya baginda saw. ke Madinah, maka sejak masa itulah negara Islam berdiri untuk yang pertama kalinya di Madinah, dan sejak itulah Islam disebarkan dengan dakwah dan jihad ke seluruh dunia. Sehingga Islam berkembang dengan cepatnya ke seluruh dunia, yang dimulakan dengan penaklukan wilayah Hejaz (622-632 M.) semasa baginda saw. kemudian secara berterusan, wilayah Syam di taklukkan semasa Umar bin al-Khattab. Sehingga Islam memasuki Eropah, setelah beberapa wilayahnya ditaklukkan pada tahun 696-705 M. pada masa Khilafah Umayyah. Pada masa yang sama, Islam juga telah sampai di Russia. Dan pada tahun 712, Islam telah sampai di Asia Tenggara.

Tetapi memandangkan pentingnya peristiwa Hijrah Rasulullah saw. ini, maka sememangnya peristiwa ini bukan sekadar menjadi peringatan, melainkan lebih daripada itu. Peristiwa Hijrah tersebut, justeru wajib dijadikan pelajaran, bahawa Islam menjadi agama kita, dan sampai kepada kita bukan merupakan peristiwa kecil, tetapi merupakan peristiwa besar. Kalau bukan kerana pengorbanan Rasul dan para sahabat yang tidak kecil itu, pastilah Islam ini tidak akan sampai ke hari ini. Dan kalau bukan kerana wujudnya orang-orang yang sanggup hidup dan mati demi Islam ini, tentulah Islam ini tidak sampai ke hari ini. Dan kalau bukan kerana wujudnya orang-orang yang rela mengorbankan harta, keluarga dan nyawa mereka, pastinya Islam tidak akan wujud hingga ke hari ini.

Dan oleh itu, kita semua berhutang kepada mereka. Dan kita tidak dapat membayarnya, sebab mereka bukan meminta ganjaran daripada kita. Tetapi, mereka menegakkan Islam dengan seluruh pengorbanan mereka, kerana mereka telah menjual diri mereka kepada Allah, yang jiwa, harta dan semua yang mereka korbakan itu telah dibeli oleh Allah dengan syurgaNya.

"Sesungguhnya Allah telah membeli daripada orang-orang yang beriman itu, diri dan harta mereka, bahawa mereka akan diberi (imbalan) syurga." (Q.s. At-Taubah: 111)

Saat ini, ketika ini Islam telah kehilangan generasi terbaiknya yang sanggup menjual diri, harta dan nyawanya kepada Allah untuk mendapatkan syurga-Nya, dengan menegakkan Islam. Dan inilah yang menyebabkan hilangnya cahaya petunjuk Islam, setelah runtuhnya Khilafah Islamiyah, Turki Uthmaniyyah, pada 3 Mac 1924. Setelah itu, negeri kaum muslimin berterusan mengalami musibah. Lihatlah bagaimana krisis Palestin, Bosnia, Filipina, Kosovo, Indonesia dan Iraq.

Islam ketika ini memerlukan generasi yang sanggup mengorbankan diri, harta serta nyawa mereka untuk menegakkannya. Kerana sekiranya tanpa itu, Islam mustahil kembali berjaya diperingkat antara bangsa, seperti pada masa baginda dan para sahabat hingga 13 abad kemudian. Maka, semuanya terpulang kepada keimanan dan ketaqwaan tuan-tuan, puan-puan, saudara, saudari dan teman-teman sekalian. Tetapi yang wajib diyakini, bahawa syurga dan neraka itu adalah abadi. Syurga merupakan puncak kenikmatan yang tidak diberikan secara percuma oleh Allah kepada manusia. Kerana itu, semakin tinggi pengorbanan kita, maka semakin besar kenikmatan kita di akhirat kelak. Dan sebaliknya. Akhir kata semoga kita termasuk di antara orang-orang yang sanggup memberikan pengorbanan yang tertinggi demi Islam, semata untuk mencari redha Allah dan syurgaNya. Wallahu a'lam.

## Wahyu Ilahi

"Wahai orang-orang yang beriman, janglah kamu mengkhianati Allah Rasul (Muhammad) dan janganlah kamu mengkhianati amanat-amanat yang dipercayakannya kepadamu, sedang kamu mengetahuinya"

[Al-Anfaal: 27]

— Al-Sarahir 3 —